

Soalan

SAYA remaja perempuan berumur 19 tahun dan mempunyai seorang kawan perempuan dua tahun lebih tua daripada saya.

Kami berkawan baik. Saya suka kepadanya kerana sifatnya suka menolong. Dia juga seorang yang cantik dan ramai lelaki suka kepadanya.

Apa yang sangat menghairankan saya ialah walaupun ramai lelaki muda ingin menjadikannya sebagai kekasih, dia tetap memilih lelaki tua.

Kini, dia menjalinkan perhubungan serius dengan seorang duda berbeza usia hampir 20 tahun. Lelaki itu juga gemuk, boroi dan hodoh. Mereka merancang untuk berkahwin. Saya sangat meluat dengan lelaki itu.

Saya juga sangat risaukan dengan keputusan mereka kerana takut akan timbul banyak masalah jika mereka berkahwin.

Apa pandangan Dr mengenai wanita yang jatuh cinta dengan lelaki lebih tua? Bagaimanakah rumah tangga mereka nanti dan apakah baik buruknya.

Kawan cinta duda boroi

Lelaki berusia mahu tunjuk hebat miliki wanita muda

Ini kerana bagi saya lelaki tua yang inginkan wanita muda adalah seorang yang miang, gatal dan tidak sedar diri. Apa pendapat Dr?

Gadis Meluat
Kuala Lumpur

Jawapan

APABILA cinta datang, Adengan sayap lembutnya ia akan membawa terbang ke awan dan menenggelamkan manusia hingga ke dasar laut yang paling dalam.

Cinta tidak mengenal usia dan rupa. Inilah yang berlaku kepada cinta kawan adik walaupun lelaki itu berusia, gemuk dan hodoh (mengikut pandangan adik). Dia melihat cinta itu

seperti bunga-bunga yang akan tumbuh di setiap hati yang ingin dimengerti dan rindu didampingi.

Kawan adik tentu mempunyai sebab dia mencintai lelaki berusia. Menerima dan menghormati percintaan kawan adik dengan lelaki tua itu dengan hati terbuka boleh mengurangkan rasa meluat adik.

Semoga adik sentiasa mendoakan kebahagiaan kawan. Tidak semua lelaki tua yang berkahwin dengan wanita muda bersikap miang atau gatal kerana setiap individu mempunyai pandangan tersendiri.

Wanita muda yang bercinta atau berkahwin dengan lelaki berumur adalah soal jodoh kerana cinta tidak

mengenal batas usia. Rasa cinta memang ajaib nikmatnya dan dirasai orang tua, muda, cantik atau hodoh.

Mengenai soal ajal, ia tidak mengira tua atau muda, semuanya ketetapan Tuhan.

Jika mereka komited dalam perhubungan itu, tanpa mengira perbezaan umur, cinta mereka akan mekar dan harmoni.

Namun, mereka perlu banyak bersabar kerana pelbagai tanggapan dan tohmahan akan muncul. Percintaan wanita muda dengan lelaki tua tidak selalu berlaku walaupun semakin diterima.

Kajian mendapati apabila lelaki bercerai dan berkahwin lain, dia memilih wanita

muda kerana mereka beranggapan wanita muda lebih banyak tenaga dan subur untuk melahirkan anak. Lelaki berusia juga gembira memiliki wanita muda terutama untuk menunjukkan kehebatan di kalangan rakan.

Kajian menunjukkan secara seksualnya, lelaki berumur merasakan kehidupan seksualnya lebih menarik jika berkahwin dengan wanita muda.

Apatah lagi, penggunaan ubat-ubatan kini membolehkan lelaki tua menikmati kehidupan seks yang lebih aktif. Wanita muda pula melihat lelaki yang jauh berumur sebagai lebih matang. Dari aspek kewangan, lelaki berumur

dilihat lebih stabil kewangannya.

Kerlusconi adik terhadap kawan yang mempunyai kekasih tua itu ada rasionalnya kerana selalunya wanita muda yang berkahwin dengan lelaki tua bukan kerana cinta, lebih berm minat dalam wang, kuasa dan jaminan hidup. Namun, ini tidak merujuk kepada rakan baik adik itu.

Apabila berkahwin kerana inginkan status dan wang, ia akan memberi kesan apabila lelaki tua itu hilang keupayaan dari segi kewangan dan tenaga. Ketika itu ada kemungkinan wanita berkenaan meninggalkannya.

Dari tahap tenaga, lelaki tua tidak boleh menyaingi wanita muda. Akibatnya, wanita itu akan hilang minat dan mencari lelaki muda. Dari sudut kesihatan, lelaki tua mungkin menghadapi penyakit seperti darah tinggi dan jantung.

Kawan sejati adalah kawan yang turut menangis apabila kawan sedih dan ketawa melihat kegembiraan rakannya. Semoga adik adalah kawan sejati itu.

Gadis berjaya ke IPTA, buah hati pula jauhkan diri

Soalan

Saya berasal dari Kluang dan mengenali teman lelaki tiga tahun lalu ketika melanjutkan pelajaran di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Kuala Lumpur.

Dia adalah cinta pertama saya. Sebelum ini saya tidak pernah bercinta kerana ibu tegas mahu saya menumpukan sepenuhnya kepada pelajaran.

Saya sangat menyayanginya kerana bukan mudah bagi saya menerima seorang lelaki dalam hidup saya. Sebelum ini, ada lelaki mahu mengambil saya sebagai teman istimewa, tetapi saya menolaknya.

Saya melakukan solat sunat istikhrah dan petunjuk yang diberikan bukan kawan rapat, tetapi seseorang yang belum saya kenali.

Kini, orang yang ditunjukkan dalam mimpi itu adalah kekasih saya sekarang dan kami sudah empat tahun berkawan. Keluarga menerima perhubungan kami ini. Saya kini melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda di institusi peng-

ajian tinggi awam di utara tanah air. Pada mulanya, saya tidak mahu menyambung pelajaran dan ingin terus bekerja.

Bagaimanapun, demi memikul harapan ibu bapa, saya menerima tawaran itu.

Kini, sudah empat bulan saya di utara, tetapi kekasih saya tidak pernah datang menjenguk.

Saya cuba bersabar, malah dalam waktu yang sama ramai lelaki cuba mendampingi saya, tetapi saya menolak mereka.

Namun, dia berubah dalam sekelip mata. Dia tidak pernah menghantar SMS dan menjawab panggilan saya. Saya makan hati, tetapi tidak membencinya walaupun marah.

Awal Syawal lalu hubungan kami berakhir dengan alasan, kami tidak sehaluan.

Saya memujuknya hingga ke hari ini, memohon maaf supaya hubungan kami diteruskan. Dia menyatakan benci dan tiada langsung perasaan cinta terhadap saya lagi. Saya hairan kenapa semudah itu dia buang saya dari hidupnya dan memberitahu sudah berbaik dengan bekas teman wanitanya. Walaupun hati saya hancur,

saya masih merayu belas kasihannya, tetapi dia memberi pelbagai alasan. Kini, saya tiada semangat melakukan apa-apa pun kerana orang yang saya sayangi hilang sekelip mata.

Terlalu sukar melupakan atau membencinya. Berat badan saya menurun kerana hilang selera makan. Saya juga hilang tumpuan belajar dan berniat untuk berhenti belajar.

Saya cuba membina semangat baru dengan rajin menunaikan solat sunat, tetapi hati masih berkata, saya sukakan dia.

Untuk pengetahuan Dr, solat istikhrah yang saya lakukan sebelum mengenalinya, lelaki yang hadir dalam mimpi saya itu mirip dengannya. Tambahan lagi apabila dia hadir selepas petunjuk itu.

Perlu kah saya meyakini bahawa dialah jodoh saya seperti yang ditunjukkan? Ini kerana kini ramai lelaki yang cuba mendampingi saya, tetapi hati saya masih tidak dapat menerima mereka. Bantulah saya Dr.

Gadis Tertekan
Kluang, Johor

Jawapan

APABILA kita mencintai seseorang, kita sentiasa menginginkan cinta itu dibalas dan meyakinkan diri bahawa orang itulah yang terbaik untuk kita. Benarlah seperti kata orang cinta itu tiada dasarnya.

Meyakini sesuatu adalah baik, tetapi apabila keyakinan itu tidak dapat dipenuhi, ia akan membawa banyak keduakaan. Dalam percintaan, banyak dugaan berlaku. Harapan yang tidak dapat dipenuhi hanya akan membawa kepada perasaan bahawa diri tidak sebaik yang disangkakan atau diharapkan.

Alangkah hancurnya hati apabila sesuatu yang kita inginkan, tetapi kita tidak upaya miliki kerana faktor tertentu. Itulah yang berlaku kepada adik. Apabila sesuatu yang diharap dan diyakinkan tidak menjadi, adik kecewa. Tetapi itulah natijah bercinta.

Dalam hal ini, adik tidak perlu memikul beban yang sebegini berat sendirian. Luahkan segala perasaan anda melalui percaka-

pan atau penulisan. Ramai penulis terkenal berjaya menulis cerita hidupnya dengan cukup indah.

Marah hanya akan menambatkan lagi ingatan dan perasaan yang cuba adik lupakan. Semakin marah adik membuak-buak kepadanya, semakin sukar ia untuk dilupakan.

Di sebabkan itulah, adik tetap sakit hari apabila teringatkannya walaupun selepas solat istikhrah.

Terimalah apa yang berlaku dan anggaplah ia kenangan manis anda berdua. Perasaan cinta tidak boleh dipaksa. Kadangkala kita terlalu mencintai seseorang, tetapi hati orang itu tidak kepada kita. Apabila ini berlaku, kita perlu menerima kenyataan tiada soal benar atau salah dalam membicarakan tentang hati.

Jika teman lelaki benci dan tiada langsung perasaan cinta kepada adik, walaupun sudah empat tahun berkawan, ia bukan sesuatu yang menghairankan. Memang menyakitkan, tetapi itulah pilihan bekas teman lelaki. Hormati pilihan hatinya.

Apabila kita mencintai orang sepenuhnya, kita akan mendoakan yang terbaik baginya. Kita boleh memiliki perasaan cinta, tetapi tidak semesti memiliki orang itu. Itulah keindahan bercinta. Cinta itu milik kita.

Cinta ibarat hujan lebat. Lebat bagaimanapun hujan itu, ia akan berhenti juga dan begitulah cinta. Betapa kecewanya cinta kita terhadap seseorang, masa akan mengubatinya. Berikan masa untuk adik menerima apa yang berlaku dengan hati yang terbuka.

Pada masa yang sama, belajarlah untuk menerima kehadiran orang lain secara perlahan-lahan. Mungkin ada lelaki lain yang lebih baik daripada bekas kekasih.

Persoalan sama ada bekas kekasih akan hadir semula atau tidak biarlah masa yang menentukan. Jika satu hari nanti, dia hadir kembali dalam hidup adik dan ketika itu adik masih menyayangi, itulah yang terbaik bagi adik.